

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. DATUK SERI HAJI AHMAD BIN HAMZAH
[JASIN]
TARIKH : 17 JULAI 2019 (RABU)

SOALAN NO. 48

Y.B. DATUK SERI HAJI AHMAD BIN HAMZAH [JASIN] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan setakat manakah keberkesanan belanjawan Kerajaan berhubung Bajet 2019 yang mengunjurkan harga minyak mentah dunia pada tahap USD70 sedangkan hingga pertengahan Jun 2019 harga minyak dunia masih tidak sampai ke tahap yang diharapkan. Akibatnya “compounded effect” memberi kesan kepada pelaksanaan Kerajaan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pada tahun 2019, hasil Kerajaan Persekutuan dianggar sebanyak RM261.8 bilion. Daripada jumlah tersebut, hasil bukan petroleum berjumlah RM180.4 bilion atau 68.9% daripada jumlah keseluruhan hasil, manakala hasil berkaitan petroleum yang merangkumi cukai pendapatan petroleum, duti eksport, royalti petroleum dan dividen PETRONAS yang berjumlah RM81.4 bilion atau 31.1%. Hasil petroleum merangkumi bayaran *one-off* oleh Petronas sebanyak RM30 bilion untuk bayaran balik GST yang tertunggak lebih daripada setahun di bawah pentadbiran lama. Tanpa mengambil kira dividen khas PETRONAS, peratusan hasil berkaitan petroleum telah berkurang kepada sekitar 22% berbanding tahun 2009 sebanyak 41.3%.

2. Anggaran hasil berkaitan petroleum adalah berdasarkan kepada andaian purata tahunan harga minyak mentah dunia (*Dated Brent*) pada USD70 setong. Pada 5 Julai 2019, harga minyak mentah dunia adalah pada paras USD63 setong (purata tahun 2019: USD66 setong). Secara umumnya, setiap perubahan harga minyak mentah sebanyak USD1 setong akan menyebabkan hasil Kerajaan turut berubah dalam lingkungan RM300 juta. Dengan perbezaan sebanyak USD4 setong, hasil berkaitan petroleum dijangka berkurang sekitar RM1.2 bilion.

3. Kerajaan sedang melaksanakan reformasi cukai dengan objektif untuk meningkatkan peratusan hasil kepada KDNK, mengurangkan jurang cukai dan memaksimumkan kutipan hasil. Kerajaan telah menubuhkan Jawatankuasa Pembaharuan Cukai (TRC) bagi melaksanakan reformasi struktur cukai dan menjalankan kajian menyeluruh mengenai sistem percukaian negara termasuk mengenal pasti sumber pendapatan baharu. Selain itu, Kerajaan juga dijangka akan memperoleh peningkatan hasil daripada Cukai Jualan dan Cukai Perkhidmatan dalam lingkungan RM2 bilion. Kerajaan juga akan melaksanakan inisiatif memanfaatkan aset yang meliputi langkah mengurangkan pegangan dalam syarikat bukan strategik serta menambah baik kaedah penjualan aset Kerajaan

NO SOALAN : 48

khususnya melalui tender terbuka. Di samping itu, sasaran defisit fiskal pada 3.4% tersebut masih belum mengambil kira langkah-langkah percukaian baharu yang dapat mengimbangi pengurangan hasil kesan daripada ketidaktentuan harga pasaran minyak mentah dunia.